

10/05/1997

(Laporan BSKL)

HARGA saham kebanyakannya ditutup lebih rendah di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dengan jumlah dagangan yang susut semalam meskipun terdapat minat belian berpilih-pilih di kaunter mewah utama.

Kenaikan 20 sen bagi saham Tenaga Nasional Bhd dan Syarikat Telekom Malaysia Bhd masing-masing kepada RM11.70 dan RM18.00, mendorong Indeks Komposit ditutup 0.23 mata lebih teguh kepada 1,107.37.

Indeks Emas susut 0.72 mata kepada 316.75, Indeks Perusahaan turun 3.18 mata kepada 2,047.68 dan Indeks Papan Kedua jatuh 4.62 mata kepada 546.17.

Saham jatuh mengatasi saham naik dengan jumlah 426 berbanding 155 manakala 165 kaunter tidak berubah dan 107 yang lain tidak diniagakan.

Jumlah dagangan Papan Utama merosot kepada 196.320 juta saham bernilai RM1.293 bilion daripada 248.325 juta saham bernilai RM1.488 bilion yang diniagakan pada hari Rabu. Pasaran ditutup pada hari Khamis kerana cuti umum.

Di Papan Kedua jumlah urus niaga meningkat sedikit kepada 29.379 juta saham bernilai RM339.571 juta daripada 22.474 juta saham bernilai RM247.293 juta sebelumnya.

Urus niaga luar pasaran bertambah kepada 29.925 juta saham bernilai RM258.747 juta berbanding 18.533 juta saham bernilai RM169.902 juta pada hari Rabu.

Peniaga berkata, kebanyakan pelabur mengambil untung selepas kenaikan mendadak semasa pengukuhan sebelum cuti pada Rabu lalu.

Pembetulan adalah dijangkakan kerana pelabur tidak berminat untuk menceburi pasaran secara bersungguh kerana ketiadaan berita positif, kata seorang penganalisis.

Pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin mengenai rancangannya untuk bercuti selama dua bulan tidak menyebabkan pelabur merasa panik kerana Perdana Menteri menjelaskan bahawa cuti beliau tidak langsung berkaitan dengan kesihatan.

Seorang penganalisis lain mengaitkan beberapa kegiatan mengambil untung kepada sentimen berhati-hati di Wall Street berikutan kenyataan Alan Greenspan daripada Rizab Persekutuan Amerika Syarikat malam kelmarin mengenai kemungkinan kadar faedah meningkat.

Antara saham yang jatuh teruk ialah saham kewangan, Maybank yang turun 75 sen kepada RM26.00.

MRCB jatuh 60 sen kepada RM7.45, NSTP susut 40 sen kepada RM14.20 dan Malakoff turun 30 sen kepada RM10.50, tetapi TV3 tidak berubah pada RM5.35.

Kaunter paling cergas ialah MBf Capital dengan 41.865 juta saham diniagakan. MBf Capital tidak berubah pada RM5.55. - Bernama

(END)